

## **Pembangunan Keupayaan Komuniti Menerusi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning Approach): Pengalaman Di Miso Walai Homestay Kinabatangan Sabah**

Abdul Rasid Abdul Razzaq, Mohamad Zaid Mustafa  
[rasid@uthm.edu.my](mailto:rasid@uthm.edu.my)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Syed Shikh Syed A. Kader  
Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru

### **Abstrak**

Industri pelancongan sedang berkembang pesat dan merupakan antara penyumbang terpenting kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Di kebanyakan negara membangun pelancongan dijadikan sebagai strategi pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar. Industri pelancongan berperanan dalam menjana peluang pekerjaan serta menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur di peringkat komuniti luar bandar. Perkembangan pelancongan turut menyumbang kepada pengurangan masalah penghijrahan belia ke bandar-bandar. Namun begitu kajian-kajian lepas menunjukkan tidak banyak projek pelancongan berasaskan komuniti (PBK) yang dikatakan berjaya dan kebanyakannya adalah bergantung kepada bantuan luar. Kegagalan ini dikaitkan dengan ketidakupayaan komuniti merancang dan mengurus tadbir projek PBK. Sehubungan dengan itu kajian ini djalankan untuk meneroka proses penbangunan keupayaan komuniti bagi tujuan pembangunan PBK. Bagi memenuhi tujuan tersebut, pendekatan kajian kualitatif telah digunakan dengan memilih Miso Walai Homestay Kinabatangan, Sabah sebagai kajian kes. Seramai 19 14 orang informan utama telah dipilih sebagai peserta kajian ini berdasarkan teknik sampel bertujuan. Kaedah temu bual secara semi struktur telah digunakan oleh pengkaji dalam proses pengumpulan data. Data-data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian NviVo 8. Dapatan kajian ini menunjukkan proses pembangunan keupayaan komuniti yang melibatkan aspek pengetahuan dan kemahiran adalah berdasarkan pendekatan pembelajaran secara informal iaitu menerusi aktiviti kajian, penglibatan dalam perancangan, lawatan sambil belajar, seminar dan kursus serta perbincangan dalam kumpulan.

## 1.0 Pengenalan

Secara teorinya memang diakui pelancongan alternatif seperti PBK memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti terutamanya di kawasan luar bandar (Hiwasaki, 2006; Nyaupane *et al.*, 2006; Hall, 2000). Namun begitu berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan kebanyakannya projek pelancongan komuniti sama ada yang diinisiatifkan oleh *NGO* atau pihak kerajaan tidak berdaya saing dan mempunyai tempoh jangka hayat yang pendek (Harrison dan Schipani, 2007). Projek-projek pelancongan komuniti yang dikatakan berjaya itu pun sebenarnya hanyalah menyumbang pada tahap sederhana sahaja terutamanya dari sudut impak pembangunan ekonomi komuniti setempat (Ashley dan Goodwin, 2007; Butler & Hinch, 2007). Hal ini dibuktikan menerusi hasil kajian yang dijalankan oleh Goodwin dan Santilli (2009) ke atas 15 projek pelancongan komuniti yang melibatkan negara-negara di Asia, Afrika dan Amerika. Daripada jumlah projek tersebut hanya lima projek yang dikatakan berjaya berdasarkan kriteria kemampuan mengurus tadbir, pemilikan dan impak ekonomi kepada komuniti setempat.

Kebergantungan komuniti kepada pihak luar sama ada kepada *NGO* atau kerajaan dalam tempoh yang panjang merupakan antara pemasalahan yang dihadapi oleh komuniti yang terlibat dalam projek PBK. Kajian-kajian sebelum ini membuktikan terdapat projek-projek pelancongan komuniti yang 'mati' atau berkubur setelah berakhirnya bantuan daripada pihak luar (Blackstock, 2005; Kiss, 2004). Hasil kajian yang dijalankan oleh Goodwin dan Santilli (2009) telah membuktikan masalah yang dinyatakan di atas, di mana sembilan daripada 15 projek pelancongan komuniti yang dikaji masih bergantung pada bantuan *NGO* dan agensi luar walaupun projek-projek tersebut telah beroperasi lebih daripada lima tahun. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Nora Ashikin Mohd Nor dan Kalsom Kayat (2010) ke atas program homestay di Malaysia turut membuktikan bahawa komuniti tidak mampu bergerak secara bersendirian tanpa bantuan daripada pihak kerajaan. Sikap bergantung pada subsidi kerajaan masih tinggi, malahan terdapat dalam kalangan komuniti yang terlibat dalam program homestay tersebut semata-mata untuk mendapatkan subsidi kerajaan. Seterusnya, Amran Hamzah dan Zainab Khalifah (2009) menggunakan istilah '*handout mentality*' bagi menggambarkan kesan kebergantungan komuniti kepada pihak luar yang sering kali menjadi penghalang kepada kejayaan pembangunan pelancongan komuniti seperti PBK ini. Masalah kebergantungan komuniti ini dilihat sebagai hasil daripada kegagalan *NGO* atau pihak kerajaan membangunkan keupayaan komuniti semasa tempoh bantuan diberikan sebagai persediaan untuk membolehkan komuniti berdikari setelah berakhirnya bantuan dari luar.

Kepentingan komponen modal insan yang merangkumi aspek kesedaran, pengetahuan dan kemahiran dalam memastikan keberkesanan pembangunan projek pelancongan komuniti seperti PBK

telah dinyatakan oleh Aref *et al.* (2010) dan Moscardo (2008). Ketidakupayaan modal insan bukan sahaja menyebabkan timbulnya masalah kebergantungan komuniti setempat tetapi juga menghadkan penglibatan mereka dalam pembangunan pelancongan (Scheyvens, 2007; Telfer dan Sharpley, 2008). Hal ini demikian kerana menurut Hall (2005) pengetahuan pelancongan yang dimiliki oleh ahli komuniti membolehkan mereka meramal serta merebut peluang-peluang yang wujud daripada pembangunan pelancongan. Isu keterbatasan pengetahuan dalam kalangan komuniti luar bandar merupakan sesuatu yang biasa kerana mereka tidak mempunyai banyak peluang untuk mengakses pendidikan formal berbanding mereka yang tinggal di kawasan bandar. Begitu juga latihan-latihan yang disediakan kepada komuniti oleh pihak kerajaan adalah lebih bersifat *top down* dan kurang melibatkan komuniti setempat dalam proses pembangunan pengetahuan dan kemahiran bagi tujuan pembangunan PBK (Tengku Noraishah dan Abdul Rasid, 2013). Kesannya program-program latihan tersebut kurang memberi kesan kepada pembangunan keupayaan komuniti. Pembelajaran informal khususnya menerusi pembelajaran berasaskan pengalaman adalah penting bagi golongan dewasan seperti komuniti yang terlibat dalam pembangunan pelancongan. Namun begitu tidak banyak kajian-kajian yang memfokuskan kepada pembelajaran secara informal dalam membina keupayaan komuniti untuk terlibat dalam pembangunan PBK. Berdasarkan jurang tersebutlah pengkaji menjalankan kajian ini untuk meneroka proses pembangunan keupayaan komuniti bagi keperluan pembangunan pelancongan.

## 2.0 Pengupayaan Komuniti

Pengupayaan komuniti bukanlah satu konsep yang baru cuma penggunaannya hanya diberikan perhatian sejak tahun 1990-an (Gibbon *et al.*, 2002). Sebenarnya konsep ini mula digunakan dalam bidang psikologi komuniti apabila sekumpulan ahli psikologi di bawah Persatuan Psikologi Amerika berpandangan bahawa sesebuah komuniti itu mempunyai potensi atau keupayaan tersendiri dalam menangani isu-isu yang berlaku di peringkat komuniti (Hawe *et al.*, 1998). Berdasarkan pandangan tersebut, timbul konsep ‘kecekapan komuniti’ (*community competence*) yang menjadi asas kepada kemunculan konsep pengupayaan komuniti. Pengupayaan komuniti ini adalah berpaksikan konsep modal insan, hubungan sosial dan juga integrasi dalam organisasi sosial (Bowen *et al.*, 2003; Bowen *et al.*, 2000). Konsep pengupayaan komuniti semakin meluas digunakan dan konsep dijadikan sebahagian daripada polisi dan program berkaitan kebajikan komuniti, pendidikan, kesedaran alam sekitar dan pembangunan kesihatan (Houslow, 2002). Konsep pengupayaan komuniti turut dijadikan satu strategi dalam membangunkan kesejahteraan diri dan masyarakat (Fiona, 2007). Dalam bidang pelancongan pula, konsep pengupayaan komuniti masih kurang diberikan perhatian (Moscardo, 2008; Reid dan Gibb, 2004) berbanding dalam bidang-bidang yang lain seperti pertanian, kesihatan dan pendidikan. Pembangunan dan

perkembangan PBK yang meletakkan penglibatan komuniti setempat sebagai komponen utama dalam konsep pelancongan tersebut telah menjadikan konsep pengupayaan komuniti ini sangat relevan (Reid dan Gibb, 2004). Prasyarat untuk membolehkan komuniti terlibat secara aktif dan merebut peluang-peluang yang wujud daripada pembangunan pelancongan adalah keupayaan yang dimiliki oleh mereka (Laverack dan Thangphet, 2007).

Terdapat pelbagai definisi pengupayaan komuniti yang dikemukakan oleh ahli sarjana berdasarkan tujuan dan konteks penggunaan. Konsep ini juga diberi tafsiran yang berbeza dalam kalangan ahli akademik, pihak industri dan mereka yang terlibat dalam membuat keputusan (Liou, 2004). Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka 'pengupayaan' adalah merujuk kepada perihal atau perbuatan mengupayakan. Kata ini berasal dari perkataan dasar 'upaya' yang bermaksud kekuatan, kemampuan, keupayaan atau ikhtiar. Secara umumnya keupayaan komuniti itu merujuk kepada kemampuan dan kekuatan komuniti untuk melaksanakan sesuatu yang mempunyai kaitan dengan komuniti. 'Pengupayaan' pula merupakan perihal membangunkan keupayaan atau kemampuan ahli-ahli komuniti untuk tujuan tertentu. Dari perspektif akademik terdapat beberapa definisi yang seringkali dirujuk dan dijadikan panduan dalam membina kefahaman tentang konsep ini. Umpamanya Balint (2006) memberi definisi keupayaan komuniti sebagai tahap kecekapan, kemampuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mencapai matlamat yang tertentu. Smith *et al.* (2001) pula merujuk keupayaan komuniti kepada tahap kemampuan komuniti untuk membangunkan dan melaksanakan program atau aktiviti bagi tujuan kemakmuran dan kesejahteraan komuniti setempat. Setahun kemudian, Hounslow pula (2002) menerangkan keupayaan komuniti sebagai kemampuan ahli komuniti untuk bergerak secara kolektif dalam mengurus hal ehwal komuniti ke arah perubahan yang lebih positif. Hawe *et al.* (1998) pula menerangkan pengupayaan komuniti sebagai proses membangunkan pengetahuan, kemahiran, sumber-sumber dan kemampuan menyelesaikan masalah ke arah kesejahteraan diri dan komuniti. Pengetahuan dan kemahiran dibangunkan menerusi proses pembelajaran termasuklah pembelajaran secara informal. Ini kerana menurut Harrison (1998) pembelajaran itu merupakan satu proses pembinaan pengetahuan dan kemahiran yang akan mempengaruhi tingkah laku dan prestasi seseorang individu. Pembelajaran informal merupakan satu pendekatan yang efektif dalam membina keupayaan komuniti terutamanya yang melibatkan golongan dewasa seperti komuniti di kawasan luar bandar. Ini kerana berdasarkan model Kolb (1975), kitaran pembelajaran yang dilalui berdasarkan pengalaman akan membentuk satu konsep yang memberi kefahaman yang mendalam kepada seseorang individu.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes dalam proses memahami secara mendalam pembangunan kesedaran, pengetahuan, kemahiran ahli-ahli komuniti dalam pembangunan pelancongan komuniti di Mukim Batu Puteh, Kinabatangan Sabah. Miso Walai Homestay di Mukim Batu Puteh dipilih sebagai kajian kes kerana pembangunan pelancongan komuniti di kawasan tersebut adalah merupakan inisiatif komuniti setempat sehingga ianya mendapat pelbagai anugerah di Malaysia dan juga mendapat pengiktiraf antarabangsa sebagai mobel pembangunan ekopelancongan yang lestari (sustainable). Data-data dikutip menerusi keadaan temu bual semi struktur dalam kalangan 14 informan utama yang terdiri dalam kalangan ahli-ahli komuniti yang terlibat dalam pembangunan Miso Walai Homestay sejak dari awal. Ini adalah kerana temubual adalah merupakan sumber maklumat penting dalam kajian berbentuk kualitatif (Yin,2009). Data-data yang dikutip kemudiaanya dianalisis dengan menggunakan kaedah *thematic analysis* dengan berbantuan perisian NVivo 8. Tema-tema yang dihasilkan terlebih dahulu disemak oleh dua orang rakan iaitu pensyarah di Universiti Tun Hussein Onn bagi memastikan kesahan tema yang dihasilkan.

### **4.0 Dapatan dan Perbincangan**

Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan yang telah digunakan oleh NGO iaitu World Wild Life (WWF) pada peringkat awal adalah memfokuskan kepada pembangunan keupayaan komuniti dengan menggunakan pendekatan pembelajaran secara informal. Perancangan pembangunan Miso Walai Homestay adalah bersifat ‘bawah ke atas’ dan proses tersebut mengambil masa selama tiga tahun iaitu bermula pada tahun 1997 sehingga tahun 2000. Dalam tempoh tersebut komuniti didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman bagi tujuan pembangunan Miso Walai Homestay. Di bawah ini merupakan dapatan berkaitan proses pembangunan keupayaan komuniti;

#### **4.1 Pembinaan Kesedaran, Pengetahuan dan Pengalaman Komuniti**

Proses pembinaan kesedaran, pengetahuan dan pengalaman komuniti adalah merupakan fokus utama di peringkat awal pembangunan pelancongan komuniti di Mukim Batu Puteh. Selama 3 tahun bermula dari tahun 1997 sehingga 2000, proses pengupayaan komuniti khususnya dari aspek kesedaran, pembangunan pengetahuan dan kemahiran komuniti untuk tujuan perancangan pembangunan pelancongan adalah merupakan agenda utama World Wildlife Fund (WWF) Kesedaran, pengetahuan dan kemahiran komuniti telah dibina menerusi pembelajaran informal iaitu menggunakan pendekatan pembelajaran berdasarkan pengalaman. Mereka terlibat secara langsung dalam proses perancangan pembangunan pelancongan dan pengalaman

yang mereka lalui adalah merupakan satu proses pembelajaran yang sangat bermakna. Justeru itu sehingga sekarang pembangunan pelancongan komuniti di Mukim Batu Puteh ini adalah diurustadbir sepenuhnya oleh komuniti setempat menerusi penubuhan Koperasi Pelancongan atau lebih di kenali sebagai 'KOPEL'. Penglibatan komuniti dalam proses pembelajaran tersebut adalah menerusi aktiviti-aktiviti di bawah:

#### 4.1.1 Research activities

Aktiviti kajian adalah merupakan pendedahan awal komuniti kepada proses pebelajaran terutamanya dalam membina pengetahuan awal tentang sumberjaya (natural resources) yang terdapat di kawasan tersebut dan juga keperluan-keperluan pelancongan.. Ahli-ahli MESCOT pada masa itu telah dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk membuat kajian 3 komponen penting bagi keperluan perancangan pelancongan. Tiga kajian utama yang dijalankan pada masa itu ialah kajian hutan untuk melihat resources yang terdapat dalam hutan termasuklah spesis-spesis pokok dan hidupan liar yang terdapat di dalamnya. Begitu juga kegunaan pokok-pokok dihutan untuk tujuan perubatan dan sebagainya. Kesemua maklumat yang dikaji direkod dan disimpan dalam fail. Manakala satu kumpulan lagi membuat kajian tentang budaya masyarakat Sungai People, di mana kumpulan ini bergerak dalam kampung untuk mengumpul maklumat berkaitan adat resam, pegangan dan kepercayaan, permainan tradisional, tarian, makanan dan segala aspek yang berkaitan dengannya. Kesemuanya di kumpul dan direkodkan. Satu kumpulan lagi membuat kajian tentang dunia business yang mana kumpulan ini bergerak ke luar dari kampung ke pekan dan bandar di Sandakan untuk membuat kajian pasaran, mendapatkan sebutharga-sebutharga, ke hotel-hotel, agensi-agensi pelancongan untuk mendapatkan contoh pakej-pekej pelancongan dan sebagainya. Mererusi aktiviti kajian seperti ini, ahli-ahli MESCOT membina kesedaran, pengetahuan dan kemahiran mereka menerusi pengalaman sendiri untuk digunakan dalam membuat perancangan di kawasan mereka.

#### 4.1.2 Lawatan Sambil Belajar

Proses pembelajaran dalam kalangan komuniti berlaku menerusi exposure trip yang dianjurkan oleh ahli-ahli MESCOT. Terdapat banyak lawatan yang telah diadakan pada peringkat awal termasuklah lawatan ke komuniti yang telah terlibat dengan program homestay di Sandakan dan Kota Kinabalu. Menerusi lawatan pendedahan ini ahli-ahli MESCOT lebih memahami tentang program tersebut, termasuklah aspek pengurusan dan operasinya. Selain daripada itu pengalaman menjadi peserta homestay itu sendiri membolehkan mereka mengetahui perkara-perkara yang diperlukan atau tidak digemari oleh seseorang pelancong. Pengalaman ini menjadikan mereka lebih berpengetahuan dan berkeyakinan untuk mengendalikan program homestay. Lawatan-lawatan pendedahan juga diadakan ke destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Sabah termasuklah ke Taman Negara Kinabalu

(Kinabalu National Park) dan sebagainya untuk memberi pendedahan sebenar persekitaran pelancongan. Mereka juga membina pengalaman mengikuti pakej-pakej pelancongan yang diadakan oleh agensi pelancongan termasuklah juga menginap di hotel-hotel di sekitar Sabah. Ini adalah merupakan satu proses pembelajaran secara tidak formal yang sangat efektif oleh ahli komuniti. Menurut Pearce (1996) pendedahan pengalaman seperti ini merupakan satu bentuk pembelajaran yang sangat praktikal kerana komuniti luar bandar tidak mempunyai pengalaman sebagai pelancong dan mereka tidak mengetahui kehendak sebenar seseorang pelancong. Pengalaman menjadi pelancong sudah pasti memberi kefahaman tentang keperluan dan kehendak pelancong.

#### 4.1.3 Penglibatan dalam Aktiviti Luar

Selain lawatan sambil belajar, maklumbalas daripada beberapa peserta kajian menunjukkan pengetahuan dan keyakinan mereka turut dibina menerusi aktiviti-aktiviti luar yang disertai oleh mereka. Ini termasuklah aktiviti mendaki Gunung Kinabalu, aktiviti rekreasi dan sebagainya bukan sahaja mendedahkan pengetahuan berkaitan aktiviti tersebut tetapi juga pengetahuan merancang sesuatu aktiviti. Menurut Timothy (1999) pengalaman seseorang individu terlibat dalam sesuatu aktiviti meningkatkan kefahaman individu tersebut berkaitan aktiviti yang disertai dan meningkatkan keyakinan diri untuk menganjurkan aktiviti seperti itu.

#### 4.1.4 Aktiviti Perbincangan Kumpulan dan *Brainstroming*

Proses pembelajaran dalam kalangan ahli komuniti berlaku menerusi penglibatan mereka dalam aktiviti brainstorming dan perbincangan untuk tujuan perancangan pembangunan pelancongan. Setiap aktiviti yang diadakan akan dibincang dalam kumpulan supaya setiap ahli mendapat maklumat bersama. Sebelum sesuatu program itu diadakan ahli komuniti yang terlibat akan duduk bersama membuat perbincangan dan perancangan terlebih dahulu. Sebagai contoh sebelumnya sesuatu program lawatan dibuat mereka akan membuat perancangan bersama segala aspek secara terperinci tentang aktiviti lawatan tersebut. Semua ahli dididik supaya mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut. Keputusan yang dibuat adalah keputusan bersama. Begitu juga apabila selesai daripada aktiviti lawatan ahli-ahli perlu membentangkan apa yang telah mereka pelajari daripada lawatan yang telah diikuti. Menerusi aktiviti latihan dalam kumpulan seperti ini banyak perkara yang dipelajari oleh ahli-ahli seperti kemahiran berkomunikasi, keyakinan diri, menghormati pandangan ahli-ahli yang lain di samping semangat kerja berpasukan itu dapat diterapkan.

### 4.2 Pendedahan Kepimpinan menerusi 'ketua seminggu'

Kajian ini juga menunjukkan bahawa ahli komuniti telah didedahkan dengan pengetahuan kepimpinan menerusi perlantikan

sebagai 'ketua seminggu'. Kriteria pemilihan ketua seminggu ini adalah berdasarkan tahap keaktifan penglibatan ahli komuniti dalam tempoh seminggu. Pada masa itu penglibatan mereka dinilai berdasarkan sistem point. Menerusi perlantikan ketua seminggu ini ahli komuniti mendapat pengalaman sebagai seorang ketua termasuklah membuat perancangan kerja untuk seminggu, membahagikan tugas kepada ahli-ahli, membuat pemantauan, laporan dan juga mempengaruhi mesyuarat. Ini adalah merupakan satu bentuk pembelajaran berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh komuniti setempat.

#### 4.3 Pembinaan Kemahiran Berdasarkan Modul Latihan

Kemahiran dalam kalangan ahli komuniti dibina berdasarkan keperluan pada masa itu. Terdapat 14 kursus yang ditawarkan di peringkat awal. Mana-mana ahli komuniti yang berjaya menamatkan kursus tersebut akan mendapat 'badge' yang tertentu mengikut kursus yang diikuti. Proses pembinaan modul latihan tersebut juga adalah menggunakan pendekatan penglibatan komuniti termasuklah dalam mencipta badge-badge yang berkaitan. Pendekatan pembelajaran dalam modul-modul tersebut adalah berdasarkan pendekatan pembelajaran kendiri (self directed learning) di mana para peserta ditugaskan untuk membuat projek-projek tertentu yang berkaitan.

### 5.0 Kesimpulan

Pembelajaran berdasarkan pengalaman adalah merupakan satu pendekatan pembelajaran yang sangat praktikal terutamanya dalam kalangan komuniti luar bandar yang lazimnya terbatas dari segi keupayaan akademiknya. Pembinaan pengetahuan dan kefahaman ahli-ahli komuniti tentang proses pembangunan pelancongan lebih efektif menerusi penglibatan sebenar mereka dalam proses tersebut. Pembangunan sumber manusia adalah merupakan fokus utama dalam proses perancangan pembangunan pelancongan di Miso Walai. Komuniti mempunyai empowerment dalam membuat keputusan tentang pembangunan pelancongan komuniti di Miso Walai. Dengan pemahaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh ahli komuniti membolehkan pelaksanaan pendekatan *bottom up* dalam perancangan pembangunan Miso Walai Homestay.

## Rujukan

- Amran Hamzah & Zainab Khalifah (2009). *Handbook for community based tourism: how to develop and sustain CBT*: Asia Pacific Economic Cooperation Tourism Working Group (APEC TWG)
- Ashley, C., & Goodwin, H. (2007). 'Pro Poor Tourism' - What's gone right and what's gone wrong? ODI Opinion (No. 80).
- Aref, F., & Ma'ruf, R. & Sarjit , S. Gill. (2010). Assessing the Level of Community Capacity Building in Tourism Development in Local Communities. *Journal of Sustainable Development*. 3(1),81-90.
- Balint, J. (2006). Improving Community Based Conservation Near Protected Area:  
The Importance of Development Variables, *Environment Management Journal*. 28 (1), 137-148.
- Blackstock, K. (2005). A Critical Look at Community Based Tourism. *Community Development Journal*. 40 (1), 39-49.
- Bowen, G.L., Mancini, J. A., Martin, J.A., Ware, W.B., & Nelson, J. P. (2003). Promoting the adaptation of military families: An empirical test of a community practice model. *Interdisciplinary Journal of Applied Family Studies* 52, 33-44.
- Bowen, L., Mancini, J. A., Martin, J.A., & Nelson, P. (2000).Community Capacity: Antecedents and Consequences. *Journal of Community Practice*. 8, 1-21.
- Butler, R., & Hinch, T. (2007). Key themes and issues in indigenous tourism. In R. Butler & T. Hinch (Eds.), *Tourism and indigenous peoples*. Oxford and Burlington: Butterworth-Heinemann
- Fiona, V. (2007). Community Capacity Building – A Review of the Literature.  
From <<http://www.health.sa.gov.au/PEHS/branches/health-promotion/0711capacitybuilding-review-lit.pdf>>
- Gibbon, M., Labonte and R. Laverack, G. (2002). Evaluating Community Capacity. *Health and Social Care in the Community*.10 (6), 485-491
- Goodwin, H. and Santilli, R.( 2009). "Community-Based Tourism: A Success?"*International Centre for Responsible Tourism (ICRT) Occasional Paper 11*, University of Greenwich. Downloaded from <http://www.haroldgoodwin.info/uploads/CBTaSuccessPubpdf.pdf>

- Hiwasaki, L. (2006). Community-based tourism: A pathway to sustainability for Japan's protected Areas. *Society and Natural Resources*. 19, 675–692.
- Hall, C.M. (2000). *Tourism Planning: Policies, Processes and Relationships*. London : Prentice Hall.
- Hall, C.M. (2005). *Tourism: Rethinking the Social Science of Mobility*. UK Hall: Pearson Harlow
- Harrison, D. H., and Schipani, S. ((2007). Lao Tourism and Poverty Alleviation: Community-Based Tourism and the Private Sector. *Current Issues in Tourism*, 10(2&3): 194-230.
- Harrison, D. (1988). *The Sociology of Modernisation and Development*. Unwin Hyman: London.
- Hounslow, B. (2002). *Community Capacity Building Explained*, Stronger Families Learning Exchange Bulletin. 1, 20-22.
- Hawe, P., L. King, M. Noort, S. M. Gifford, and B. Lloyd. (1998). Working Invisibly:Health Workers Talk about Capacity-Building in Health Promotion. *Health Promotion International*. 13(4), 285-295
- Kiss, A. (2004). Is community-Based Ecotourism A Good Use of Biodiversity Conservation Funds?*Trends in Ecology and Evolution*. 19(5), 232–237
- Kolb D.A. (1984). Experiential Learning Experience as a Source of Learning and Development. New Jersey: Prentice Hall.
- Laverack, G. &Thangphet, S. (2007). Building Community Capacity for Locally Managed Ecotourism in Northern Thailand. *Community Development Journal*. 44( 2), 172-185.
- Liou, J. (2004). Community Capacity Building to Strengthen Socio-Economic Development with Spatial Asset Mapping. *3<sup>rd</sup> FIG Regional Conference*. Jakarta, Indonesia
- Moscardo, G. (ed). (2008). *Building Community Capacity for Tourism Development*: CABI, Australia.

Norashikin Mohd Nor dan Kalsom Kayat. (2010). The Challenges of Community-

Based Homestay Programme in Malaysia. *Proceedings of Regional Conference on Tourism Research*. 13-14 December 2010. Universiti Sains Malaysia, 66-73.

Nyaupane, G. P., Morais, D. B., & Dowler, L. (2006). The Role of Community Involvement and Number/Type of Visitors on Tourism Impacts: A Controlled Comparison of Annapurna, Nepal and Northwest Yunnan, China. *Tourism Management*. 27, 1373–1385.

Reid, M., & Gibb, K. (2004). 'Capacity Building' in the Third Sector and the Use of Independent Consultants: Evidence from Scotland. *International Society for Third Sector Research 6th International Conference*. July 11-14 2004. Ryerson University, Toronto, 1-15.

Scheyvens, R. (2007). Exploring the Tourism-Poverty Nexus. In *Pro-poor Tourism: Who Benefits?: Perspectives on Tourism and Poverty Reduction*. edited by Michael C. Hall. Clevedon, UK: Channel View Publications.

Smith, N., Littlejohns, L.B., & Thompson, D. (2001). Shaking Out the Cobwebs:

Insight into Community Capacity and its Relation to Heath Outcomes. *Community Development Journal*. 36, 30-41.

Telfer, D. J., & Sharpley, R. (2008). *Tourism and Development in the Developing World*. Abingdon (Oxon) and New York : Routledge.

Tengku Noraisyah dan Abdul Rasid (2013). *Impak Program Latihan Dalam Kalangan Pengusaha Homestay Ke Arah Keberkesanan Pembangunan Program Homestay di Peringkat Komuniti: Kajian dari Perspektif Pengusaha*. Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, UTHM.

Timothy, D.J. (1999). Participatory Planning: A Review of Tourism in Indonesia. *Annal of Tourism Research*. 26, 371-391.

Yin, R.K. (2009). *Case Study Research: Design and Methods* (4<sup>th</sup> ed.), Thousand Oaks, CA: Sage Publication